Hubungan Luar Negara

204-205 Tinjauan
205-215 Penyusunan Semula Struktur Kewangan Antarabangsa
215-217 Liberalisasi Sektor Kewangan
217-224 Inisiatif Kerjasama Serantau
224-225 Kerjasama Dua Hala

Hubungan Luar Negara

TINJAUAN

Hubungan luar negara Bank Negara Malaysia (BNM) pada tahun 2001 tertumpu kepada inisiatif serantau untuk mengukuhkan lagi pemantauan serantau dan mekanisme sokongan bagi mengelak krisis. BNM juga menyertai mesyuarat antarabangsa dalam usaha global untuk menyusun semula struktur kewangan antarabangsa. Usaha ini termasuk inisiatif-inisiatif untuk mengukuhkan sistem kewangan domestik dan meningkatkan pelaksanaan secara sukarela piawaian-piawaian dan kod-kod amalan berhemat yang bersesuaian dalam sektor perbankan dan dalam pengawalan dan penyeliaan pasaran modal.

Di sepanjang tahun 2001, tumpuan forum antarabangsa dan serantau secara progresifnya bertukar kepada isu-isu pemantauan apabila kelemahan keadaan ekonomi global menjadi semakin jelas. Penyertaan Malaysia dalam mesyuarat-mesyuarat serantau dan antarabangsa memberi peluang kepada Malaysia untuk memperolehi manfaat daripada perkongsian pengalaman dan pertukaran pendapat dalam menilai keberkesanan maklum balas dasar alternatif untuk mengurus kesan kurang baik akibat perkembangan di negara-negara perindustrian utama terhadap ekonomi global dan serantau.

Pada tahun ini, kemajuan yang penting telah dicapai di peringkat serantau dalam pelaksanaan langkah-langkah konkrit bagi membantu ekonomi serantau mengelak krisis. Ini termasuk kejayaan pelaksanaan Inisiatif Chiang Mai (CMI), iaitu satu peraturan pembiayaan serantau bagi mengelak krisis di kalangan negara-negara ASEAN+3 (ahli-ahli Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara, Republik Rakyat Cina, Jepun dan Korea). Malaysia menandatangani satu peraturan swap dua hala di bawah CMI dengan Jepun. Matlamat peraturan ini adalah untuk meningkatkan keupayaan ekonomi serantau bertindak dengan segera untuk mengelak kemunculan krisis. Kemajuan juga turut dicapai dalam mengukuhkan lagi proses kajian ekonomi di kalangan negara-negara ASEAN+3 untuk melengkapi pelaksanaan CMI. Di samping itu, usaha lanjutan telah dijalankan di sebuah lagi forum serantau untuk meningkatkan kerjasama serantau dalam perkongsian maklumat mengenai aliran modal. Kumpulan Pakar Bank-Bank Pusat Asia Tenggara (SEACEN) bagi Aliran Modal telah membentuk satu rangka kerja bersama untuk menangani kekurangan data mengenai aliran modal. Usaha kerjasama ini bertujuan untuk memudahkan negara-negara bertukar-tukar pengalaman mengenai pengurusan risiko aliran modal yang merupakan satu isu utama kepada Malaysia dan ekonomi serantau.

Di peringkat antarabangsa, kemajuan dalam penyusunan semula struktur kewangan antarabangsa adalah terhad. Walaupun terdapat beberapa kemajuan dalam meningkatkan ketelusan dan menyelaraskan operasi Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF), asas penyusunan semula masih belum dicapai, terutamanya dalam hal penyusunan semula institusi kewangan antarabangsa dan pengurusan risiko kemudahubahan aliran modal yang berlebihan. Sebagai sebahagian daripada usaha yang berterusan untuk menyusun semula struktur kewangan antarabangsa, BNM telah menjadi tuan rumah kepada satu mesyuarat Kumpulan Pakar Kumpulan 15 mengenai Penyusunan Semula Struktur Kewangan Antarabangsa di Kuala Lumpur pada 26 Februari 2002 bertujuan untuk mengekalkan momentum penyusunan semula dan mengambil kira pandangan serta kebimbangan negara-negara membangun, termasuk ahli-ahli Kumpulan 15.

Walaupun isu kerjasama global untuk mencegah pengubahan wang haram dan pembiayaan aktiviti pengganas menjadi tema utama dalam forum antarabangsa dan serantau hanya selepas September 2001, penglibatan Malaysia dalam menggalakkan kerjasama di dalam bidang ini telah dapat dilihat semenjak awal tahun 2001. Sebagai pengerusi bersama Kumpulan Asia/Pasifik bagi Pengubahan Wang Haram, penglibatan BNM dalam kerja Kumpulan ini tertumpu kepada usaha menggalakkan kerjasama serantau dan antarabangsa untuk mencegah aktiviti pengubahan wang haram. Malaysia juga melaksanakan beberapa langkah bagi menghalang sistem kewangan negara daripada digunakan untuk membiayai sebarang aktiviti jenayah atau pengganas. Satu lagi kemajuan dalam perhubungan luar negara Malaysia pada tahun 2001 adalah peningkatan penglibatan BNM dalam menggalakkan kerjasama antarabangsa dalam pembangunan perbankan dan kewangan Islam.

Pada tahun ini, hubungan luar negara BNM terus memberi perhatian kepada peningkatan kerjasama dua hala. Usaha telah dipertingkatkan dalam membuat perhubungan tambahan untuk menggalakkan peraturan pembayaran dua hala, selaras dengan objektif Kerajaan untuk mengukuhkan perdagangan Negara-negara Selatan. Ini juga dapat memudahkan usaha untuk mempelbagaikan pasaran eksport Malaysia dan mengurangkan pendedahan terhadap perkembangan kurang baik dalam pasaran eksport tradisional. Pada tahun ini, BNM terus menghulurkan bantuan teknikal kepada beberapa bank pusat, terutamanya dalam bentuk program ikatan dan latihan.

PENYUSUNAN SEMULA STRUKTUR KEWANGAN ANTARABANGSA

Pada tahun 2001, usaha penyusunan semula struktur kewangan antarabangsa terus tertumpu kepada pencegahan dan pengurusan krisis. Kemajuan telah dicapai dalam bidang ketelusan serta piawaian dan kod, yang dianggap penting bagi pencegahan krisis. Terdapat juga kemajuan dalam usaha penyusunan semula institusi-institusi kewangan antarabangsa. Walau bagaimanapun, kemajuan dalam menangani isu urus tadbir di institusi-institusi kewangan antarabangsa dan pengurusan risiko aliran modal antarabangsa adalah terhad. Sehubungan itu, BNM telah mengambil bahagian dalam beberapa mesyuarat serantau dan antarabangsa yang memberi tumpuan kepada kebimbangan bahawa adalah perlu bagi masyarakat antarabangsa untuk melaksanakan usaha-usaha konkrit dalam menyusun semula struktur kewangan antabangsa, bagi memastikan kecekapan yang lebih tinggi di pasaran kewangan antarabangsa. Malaysia menyokong usaha masyarakat antarabangsa untuk mengatasi pengubahan wang haram dan aktiviti pembiayaan pengganas, berikutan peristiwa 11 September 2001. Walau bagaimanapun, usaha-usaha tersebut tidak seharusnya melemahkan semangat untuk meneruskan inisiatif-inisiatif yang sedang diambil bagi menyusun semula struktur kewangan antarabangsa bagi meningkatkan kestabilan kewangan antarabangsa serta menangani risiko dan cabaran globalisasi.

Selain daripada penekanan yang berterusan terhadap ketelusan, serta piawaian dan kod, satu elemen yang penting juga dalam penyusunan semula struktur kewangan antarabangsa adalah **penyusunan semula institusi kewangan antarabangsa**. Kemajuan dalam aspek ini adalah bercampur-campur, di mana terdapat kemajuan dalam menyelaraskan syarat-syarat program IMF, sementara isu urus tadbir di IMF (terutamanya isu berkenaan kuota IMF) masih tidak dapat diselesaikan. Pejabat Penilaian Bebas (IEO) di IMF memulakan operasinya pada tahun ini, dengan perlantikan Pengarah IEO dibuat pada bulan Ogos 2001. Pada bulan Disember, IEO menggariskan program kerjanya, yang merangkumi rancangan untuk menjalankan penilaian bebas terhadap pelbagai aspek operasi IMF, seperti yang dimandatkan oleh Lembaga Gabenor-Gabenor IMF. Di antaranya, program kerja ini merangkumi satu kajian tentang penyesuaian fiskal dan syarat-syarat struktur dalam program bantuan IMF, penilaian terhadap peranan IMF dalam krisis-krisis akaun modal, peranan pemantauan IMF dalam pencegahan krisis, dan pendekatan IMF terhadap liberalisasi akaun modal.

Penubuhan IEO adalah hasil daripada gesaan ahli-ahli IMF, termasuk Malaysia, untuk menjalankan satu penilaian bebas terhadap peranan dan operasi IMF, serta mendapatkan penilaian yang objektif terhadap isu-isu yang berkaitan dengan IMF. Ekoran daripada krisis kewangan Asia, adalah dianggap penting bagi IMF untuk mengambil iktibar daripada krisis tersebut dan memperbaiki operasi dan keupayaannya untuk bertindak dengan lebih cekap terhadap keperluan pelbagai ahlinya yang kian berubah. Dalam hal ini, adalah penting bagi IEO untuk beroperasi secara bebas dan tidak terikat dengan pengurusan IMF, seperti yang dinyatakan dalam terma rujukannya.

Pada tahun ini, IMF memperkenalkan beberapa perubahan untuk menyelaraskan kemudahan pinjamannya dan mengkaji semula syarat-syarat yang

Penyusunan semula struktur kewangan antarabangsa pada tahun 2001 mencapai kemajuan dalam bidang ketelusan, piawaian dan kod. Kemajuan dalam penyusunan semula perkara-perkara asas, terutamanya dalam menangani isu urus tadbir institusi kewangan antarabangsa serta pengurusan risiko aliran mudah tunai antarabangsa adalah lebih terhad.

dikenakan ke atas pinjaman tersebut (syarat-syarat IMF). Kerja berkaitan hal ini sedang dilaksanakan. Selain daripada melindungi sumber IMF, syarat-syarat yang berkaitan dengan pinjaman IMF adalah dianggap penting bagi memastikan kejayaan bantuan kewangan IMF kepada negara ahlinya. Kesepakatan telah dicapai di mana syarat-syarat tersebut harus diselaraskan untuk ditumpukan pada bidang-bidang yang kritikal bagi mencapai objektif makroekonomi sesebuah program dan meningkatkan rasa hak milik negara di dalam program penyusunan semula. Turut dipersetujui ialah syarat-syarat tersebut harus bertujuan untuk mencapai pembahagian sumber tenaga manusia yang lebih teratur dan perhubungan kerja yang lebih sistematik dan teratur di antara IMF dan Bank Dunia. Sepanjang tahun ini, IMF menganjurkan beberapa seminar luaran untuk mendapatkan pandangan ahli-ahlinya berkenaan syarat-syarat IMF. BNM telah mengedarkan satu nota di seminar yang diadakan di Tokyo, pada 10 Julai 2001 bagi membincangkan isu-isu tersebut. Nota tersebut menekankan akan pentingnya supaya syarat-syarat IMF untuk lebih tertumpu dan disesuaikan mengikut keperluan negara-negara ahlinya dan penggunaan syarat-syarat IMF perlulah mengambil kira ciri-ciri tersendiri sesebuah negara serta kebolehan negara tersebut untuk menerima pakai dan melaksanakan penyusunan semula dasar yang diperlukan. Malaysia juga menekankan pentingnya untuk meningkatkan keupayaan IMF dalam menganalisa isu ekonomi politik, bagi memastikan program yang dirangka mengambil kira aspek sosial dan politik, serta memastikan kejayaan pelaksanaan sesebuah program. Penilaian terhadap faktor-faktor ini akan menyumbang kepada peningkatan pemilikan program oleh sesebuah negara. Justeru itu, perundingan dan kerjasama lebih rapat dengan "pakar" tempatan atau serantau akan meningkatkan pemahaman IMF mengenai keadaan di sesebuah negara. Pendapat BNM telah direkod dalam laporan seminar IMF di Tokyo.

Malaysia turut menegaskan bahawa syarat-syarat yang dikenakan mestilah selaras dengan Garis Panduan mengenai Syarat-Syarat IMF dan tidak bercanggah dengan prinsip layanan sama rata terhadap semua ahlinya. IMF juga perlu sama-sama bertanggungjawab dalam sesebuah program. Memandangkan sesebuah program IMF yang diguna pakai oleh negara anggota dirangka oleh staf IMF dan berdasarkan nasihat IMF, maka IMF juga perlu sedikit sebanyak bertanggungjawab untuk memastikan kejayaan program tersebut.

Isu urus tadbir di IMF, terutamanya mengenai perwakilan yang tidak mencukupi dari negara-negara membangun dalam proses membuat keputusan di IMF masih tidak dapat diselesaikan pada tahun 2001. Ini adalah kerana perbincangan mengenai isu tersebut hanya tertumpu pada aspek teknikal sahaja. IMF telah mengadakan satu seminar Lembaga Eksekutif pada bulan Oktober 2001 untuk membincang dengan lebih lanjut isu berkenaan pilihan dan spesifikasi formula kuota IMF (yang menentukan kuota atau modal langganan ahli IMF). Tujuannya adalah untuk mendapatkan satu formula kuota yang lebih bermakna. Lembaga Eksekutif bersetuju bahawa kerja selanjutnya perlu diadakan bagi mendapatkan formula kuota yang mencerminkan kedudukan ahli-ahli IMF dalam ekonomi global. Lembaga Eksekutif juga mengambil maklum bahawa perkara ini menjadi lebih sukar kerana kuota memainkan pelbagai peranan (kuota menentukan undian ahli di IMF, keupayaan menyumbangkan sumber kepada IMF serta kebolehan mendapatkan bantuan kewangan IMF). Seminar tersebut diadakan ekoran daripada penilaian bebas mengenai formula kuota yang dijalankan oleh Kumpulan Penilaian Formula Kuota (QFRG). QFRG berpendapat bahawa kuota harus diselaraskan untuk mengenal pasti keadaan ekonomi dunia yang sentiasa berubah dan perubahan relatif yang berterusan mengikut keadaan ahli-ahli IMF.

Malaysia masih merasa bimbang terhadap ketiadaan kemajuan yang nyata berhubung kajian mengenai kuota IMF. Bagi memastikan perwakilan yang lebih saksama dalam proses membuat keputusan di IMF, perubahan yang radikal adalah perlu bagi menyusun semula struktur kuota. Satu cara atau formula baru untuk urus tadbir adalah perlu untuk memastikan perwakilan di Lembaga Eksekutif IMF mencerminkan kedudukan relatif sesebuah negara dalam ekonomi global pada masa kini.

Aktiviti utama IMF pada tahun 2001 adalah pelaksanaan piawaian dan kod untuk meningkatkan **ketelusan**. Mengenai isu kepatuhan kepada piawaian dan kod, kepatuhan seharusnya dilakukan secara sukarela dan Laporan mengenai Piawaian dan Kod oleh IMF serta Program Penilaian Sektor Kewangan (FSAP) tidak seharusnya menjadi elemen mandatori di dalam proses Rundingan Artikel IV IMF. Malaysia menyokong inisiatif ketelusan. Walau bagaimanapun, adalah penting juga memastikan bahawa ketelusan yang lebih ini akan membolehkan para pelabur membuat keputusan yang lebih baik. Dalam hal ini, rumusan yang dicapai pada sebuah forum ekonomi IMF berjudul "Ketelusan di IMF: Cabaran Masa Hadapan" pada 13 Disember 2001 adalah amat berguna. Kesepakatan

Mesyuarat-mesyuarat IMF Pada Tahun 2001

Mesyuarat Jawatankuasa Monetari dan Kewangan Antarabangsa (IMFC) pada tahun 2001

- 29 April 2001, Washington D.C., Amerika Syarikat
- 17 November 2001, Ottawa, Canada
  (Mesyuarat Tahunan Tabung Kewangan Antarabangsa dan Bank Dunia telah dibatalkan berikutan peristiwa 11 September 2001.)

Kesimpulan dari ahli-ahli IMFC

- **Tinjauan Ekonomi Dunia**
  - Mengambil maklum bahawa peristiwa 11 September akan menyebabkan kelembapan ekonomi dunia berpanjangan, walaupun tindakan dasar telah diambil untuk menyokong pemulihan pada tahun 2002.
  - Menekankan pentingnya tanggungjawab ekonomi-ekonomi yang maju untuk menggalakkan pemulihan awal pertumbuhan global.
  - Mengambil maklum tentang pentingnya melaksanakan dasar yang bernas dan proaktif bagi pasaran baru muncul dan negara-negara sedang membangun berikutan permintaan global yang semakin lemah dan keadaan elakan risiko yang lebih tinggi dalam pasaran kewangan.
  - Mengambil maklum tentang pentingnya meningkatkan peluang perdagangan bagi menggalakkan pemulihan.

- **Peranan IMF**
  - Mengalu-alukan tindakan yang diambil oleh IMF untuk memberi tumpuan semula kepada usaha pencegahan krisis dan dasar sokongan bagi mencapai pertumbuhan mapan dan mengurangkan kemiskinan.
  - Berpendapat bahawa Saluran Kredit Luar Jangka (CCL) adalah satu penunjuk penting mengenai kekukuhan dasar sesebuah negara dan bagi membendung penularan dalam pasaran kewangan.
  - Menggesa IMF untuk menyelesaikan isu-isu berbangkit yang melibatkan sektor swasta dalam pencegahan dan pengurusan krisis.

- **Pemantauan IMF terhadap Pasaran Kewangan dan Pencegahan Krisis**
  - Mengalu-alukan keputusan untuk menubuhkan Jabatan Pasaran Modal Antarabangsa untuk meningkatkan kefahaman dan penilaian IMF mengenai isu-isu pasaran modal; untuk meningkatkan keupayaan IMF memberi amaran awal; dan untuk memperkukuhkan pencegahan krisis.
  - Menekankan keperluan untuk mencatatkan kemajuan mengenai petunjuk-petunjuk amaran awal terhadap potensi berlakunya krisis.
  - Mengambil maklum mengenai kemajuan dalam pelaksanaan inisiatif-inisiatif IMF terhadap pencegahan krisis dan pemantauan sektor kewangan yang berkaitan dengan perkara-perkara berikut:
    - Persetujuan mengenai senarai piawaian-piawaian dan kod-kod antarabangsa;
    - Usaha IMF bersama negara-negara untuk mengukuhkan data bagi menyokong analisa-analisa ketidaktentuan luaran;
    - Pelaksanaan inisiatif-inisiatif terhadap dasar ketelusan IMF; dan
    - Kemajuan dalam mengukuhkan pemantauan sektor kewangan domestik dan antarabangsa, terutamanya Program Penilaian Sektor Kewangan bersama IMF-Bank Dunia.
  - Mengalu-alukan peningkatan kerja IMF dalam sektor kewangan untuk merangkumi penilaian secara sukarela oleh institusi kewangan luar pesisir.

- **Syarat-syarat di bawah Program IMF**
  - Mengalu-alukan kajian semula yang sedang dibuat ke atas syarat-syarat IMF dan menekankan betapa perlunya syarat-syarat tersebut; serta menegaskan bahawa objektif penyelarasan tersebut adalah untuk menjadikan syarat-syarat IMF lebih efisyen, berkesan dan fokus.
  - Bersetuju bahawa syarat-syarat IMF seharusnya tertumpu kepada langkah-langkah yang kritikal untuk mencapai objektif makro ekonomi sesebuah program.
  - Mengambil maklum tentang pentingnya mengambil kira proses-proses membuat keputusan dan keupayaan untuk melaksanakan penyusunan semula oleh sesebuah negara serta perlunya negara mempunyai hak milik kukuh ke atas sesebuah program.
  - Mengambil maklum akan pentingnya meningkatkan kerjasama dan pembahagian sumber tenaga manusia yang lebih teratur di antara IMF dan institusi kewangan antarabangsa yang lain dalam penyelarasan syarat- syarat IMF.

- **Memerangi Penyalahgunaan Kewangan/Pengubahan Wang Haram/Pembiayaan Kewangan untuk Pengganas**
  - Menggesa ahli-ahli untuk mengesah dan melaksanakan sepenuhnya instrumen-instrumen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk memerangi akitiviti pengganas.
  - Bersetuju supaya 40 Cadangan-cadangan yang disyorkan oleh Pasukan Petugas Tindakan Kewangan (FATF) diterima sebagai piawaian antarabangsa untuk memerangi pengubahan wang haram, dan supaya Cadangan-cadangan tersebut dilaksanakan dalam operasi IMF.
  - Menyokong Cadangan Khas FATF untuk memerangi pembiayaan kewangan pengganas.
  - Menggesa tindakan antarabangsa untuk memerangi pembiayaan kewangan pengganas, dan menyeru negara-negara untuk mengambil langkah-langkah berikut, sebaik-baiknya menjelang 1 Februari 2002:
    - Menubuhkan unit perisikan kewangan untuk menerima dan memproses laporan-laporan urus niaga yang mencurigakan daripada sektor kewangan negara tersebut dan memantau dana pengganas yang disyaki; dan
    - Mengadakan mekanisme untuk perkongsian maklumat dan kerjasama di kalangan unit perisikan kewangan nasional.

- **Usaha-usaha Mengurangkan Kemiskinan dan Hutang Negara-negara Miskin**
  - Melahirkan kebimbangan terhadap kesan buruk kelembapan global terhadap negara-negara berpendapatan rendah dan miskin yang banyak berhutang, dan menggesa IMF dan Bank Dunia untuk mengambil langkah secara fleksibil dan proaktif dalam memenuhi keperluan negara-negara tersebut.
  - Menekankan peranan yang berbeza yang perlu dimainkan oleh negara-negara miskin yang banyak berhutang, negara-negara sedang membangun dan ekonomi-ekonomi yang maju dalam membasmi kemiskinan.
  - Mengiktiraf pentingnya kerjasama yang erat dan perkongsian yang berkesan di antara institusi-institusi antarabangsa dalam usaha-usaha mengurangkan kemiskinan dan beban hutang.

- **Isu-isu lain**
  - Mengalu-alukan langkah-langkah yang sedang dijalankan untuk meningkatkan ketelusan, urus tadbir dan akauntabiliti dalam IMF dengan harapan agar IEO akan membantu IMF untuk memperbaiki operasi dan meningkatkan akauntabilitinya.
  - Bersetuju IMF harus menangani isu-isu urus tadbir yang mempunyai kesan makro ekonomi yang besar.
  - Menekankan pentingnya pasaran terbuka, dan menggesa negara maju dan negara sedang membangun untuk mencapai kata sepakat bagi melancarkan pusingan baru perundingan perdagangan pelbagai hala pada tahun 2001.
  - Mengharapkan kemajuan berterusan usaha berkaitan dengan bidang kuota IMF, yang mencerminkan keadaan yang berubah dalam ekonomi antarabangsa.

dicapai bahawa amalan ketelusan yang baik tidak semestinya menjamin kestabilan ekonomi dan kewangan. Adalah penting juga untuk mempunyai rangka kerja perundangan yang jelas yang merangkumi pelaksanaan peraturan dan prosedur IMF yang membolehkan orang awam serta peserta pasaran memahami bagaimana IMF berurusan dan membuat keputusan dasar.

Malaysia kekal komited terhadap ketelusan penyebaran data dan dasar ekonominya. Malaysia terus memenuhi semua keperluan Piawaian Penyebaran Data Khas termasuklah templat mengenai rizab luar Malaysia yang kini bercirikan pandangan ke hadapan, di samping meneruskan siaran Notis Maklumat Awam IMF bagi Rundingan Tahunan Artikel IV dengan Malaysia.

Usaha ke arah melibatkan penyertaan sektor swasta dalam meningkatkan ketelusan telah menampakkan lebih banyak kemajuan pada Mesyuarat ke Sembilan Kumpulan Rangka Kerja Manila (MFG) di Auckland pada bulan Disember 2001. Malaysia telah menegaskan akan keperluan untuk mendapatkan satu pendekatan yang lebih seimbang bagi menangani isu-isu ketelusan, khususnya pendedahan oleh sektor swasta. Terdapat kesepakatan umum bahawa peserta-peserta pasaran perlu meningkatkan ketelusan mereka. Ini termasuklah oleh institusi yang mempunyai kepentingan sistemik, seperti institusi berleveraj tinggi dan agensi penarafan kredit antarabangsa di mana aktiviti-aktiviti mereka boleh memberi kesan kepada kestabilan pasaran.

Ketelusan di IMF

Dasar Penyiaran IMF

Pada 4 Januari 2001, Lembaga Eksekutif IMF bersetuju dengan satu set prinsip dasar penyiaran IMF seperti berikut:

- **Penyiaran nota mengenai sesebuah negara** harus bertumpu kepada:
  i. Memastikan bahawa perbincangan dasar yang jujur dan laporan kepada Lembaga akan dikekalkan;
  ii. Mengimbangi di antara ketelusan dan perkara-perkara yang sulit dalam mengendalikan isu-isu yang sensitif; dan
  iii. Meningkatkan kualiti laporan staf IMF.

- Penyiaran nota mengenai sesebuah negara adalah tertakluk kepada **dasar pemadaman yang seragam**, yang sepatutnya sedikit dan terhad kepada maklumat pasaran yang amat sensitif.

- Andaian bahawa **Surat Cadangan/Memoranda mengenai Dasar Ekonomi dan Kewangan** akan disiarkan. Surat sebegini akan menyatakan cadangan dasar kerajaan. Surat-surat ini termasuklah Memorandum Persefahaman Teknikal berserta dengan maklumat dasar dan Nota Strategi Pembasmian Kemiskinan.

  Dokumen-dokumen ini akan disiarkan sepenuhnya, tertakluk kepada dasar pemadaman yang dipersetujui. Negara anggota yang tidak berhasrat untuk menyiarkan dokumen-dokumen ini perlu menyatakan sebabnya sebelum IMF memberi kebenaran di atas kepada permintaan negara tersebut untuk tidak menyiarkan dokumen.

- Penyiaran **nota Inisiatif Negara-negara Miskin yang Banyak Berhutang** dan Nota Strategi Pembasmian Kemiskinan serta **Kenyataan Pengerusi** yang berkaitan, yang menjelaskan maklumat utama kepada orang awam akan terus disiarkan.

- Lembaga akan meneruskan dasar **penyiaran secara sukarela** bagi Notis Maklumat Awam berikutan Rundingan Artikel IV dan perbincangan Lembaga mengenai nota-nota pemantauan serantau, rumusan Rundingan Artikel IV, Perkembangan Ekonomi Semasa, Isu-Isu Terpilih, Lampiran mengenai Statistik serta Laporan Pematuhan Piawaian dan Kod (ROSC).

Penilaian mengenai Pelaksanaan Piawaian dan Kod

Pada 29 Januari 2001, Lembaga Eksekutif IMF telah mengkaji semula pengalaman melaksanakan

piawaian dan kod serta membincangkan langkah selanjutnya. Lembaga Eksekutif bersetuju supaya:

- Pembentukan dan pelaksanaan piawaian dalam bidang yang berkaitan dengan keberkesanan fungsi sistem ekonomi dan kewangan negara-negara anggota memainkan peranan utama dalam mengukuhkan struktur sistem kewangan antarabangsa;

- Peningkatan tumpuan kepada piawaian dan pengenalan penilaian piawaian akan dapat membantu memberi tumpuan kepada perbincangan dasar antara IMF dengan pihak berkuasa negara-negara anggota serta mengukuhkan fungsi pasaran; dan

- ROSC, sebagai rujukan utama untuk menilai pelaksanaan, akan dapat memberi kesepaduan, isi dan fokus kepada kerja-kerja piawaian. ROSC diperkenalkan pada bulan Januari 1999 sebagai satu program rintis untuk penyediaan dan kegunaan penilaian ringkasan terhadap pelaksanaan dan pematuhan piawaian dan kod-kod ahli IMF.

Kod Amalan Baik mengenai Ketelusan Fiskal
Pada 23 Mac 2001, Lembaga Eksekutif IMF telah meluluskan semakan semula Kod Amalan Baik mengenai Ketelusan Fiskal serta Panduan Mengenai Ketelusan Fiskal, dengan objektif untuk memberi penekanan yang lebih kepada kepentingan kualiti data fiskal.

Kajian Semula Inisiatif Piawaian Data IMF
Pada 23 Julai 2001, Lembaga Eksekutif IMF telah melaksanakan Kajian Semula Inisiatif Piawaian Data yang ke-Empat dan bersetuju mengenai hal-hal berikut:

- Pematuhan terhadap Piawaian Penyebaran Data Khas:
  - Isu-isu mengenai pematuhan akan ditangani dengan mengeluarkan notis mengenai pematuhan Piawaian, yang akan menjelaskan hal-hal ketidakpatuhan serta pelan jangka waktu untuk pelanggan mematuhi piawaian tersebut; dan
  - Usaha-usaha untuk meningkatkan penyertaan akan diperkukuhkan melalui seminar mengenai piawaian dan kod antarabangsa serta kajian mengenai penggunaan Papan Buletin Piawaian Penyebaran.

- Satu pengkalan data umum yang disediakan secara sukarela untuk plat contoh data mengenai rizab akan dilaksanakan dan diedarkan melalui ruangan web IMF.

- Usaha perlu diteruskan untuk menyiapkan Garis Panduan Hutang dan memberi kesedaran mengenai piawaian penyebaran data hutang luar.

- Penubuhan unit Sistem Penyebaran Data Umum (GDDS) di IMF. Sementara itu, IMF dan Bank Dunia akan berkerjasama rapat mengenai komponen sosio demografi GDDS serta pembangunan metadata negara-negara yang ingin mengambil bahagian.

- Satu metodologi penilaian untuk menilai kualiti data yang dikenali sebagai Rangka Kerja Penilaian Kualiti Data akan diserapkan ke dalam struktur modul data ROSC sebagai elemen utama Program Penilaian Kualiti Data.

Satu isu yang menjadi tumpuan Malaysia, terutamanya mengenai pengurusan risiko **aliran modal**, terus muncul sebagai isu yang penting dalam agenda beberapa forum antarabangsa pada tahun 2001. Beberapa kemajuan telah dicapai dalam hal berkaitan dengan aliran modal, terutamanya di IMF dan *Bank for International Settlements* (BIS). Program kerja IMF yang masih dijalankan, berhubung pencegahan krisis dan pemantauan sektor kewangan, termasuk penggunaan Piawaian Penyebaran Data Khas dan Sistem Penyebaran Data Umum IMF yang lebih meluas; liputan yang lebih luas

dalam Kaji Selidik Pelaburan Portfolio Terselaras IMF untuk merangkumi instrumen dan seliaan tambahan, termasuk pusat kewangan luar pesisir; dan juga kemajuan berkaitan FSAP.

Pada tahun ini, BIS meneruskan usahanya untuk menggantikan rangka kerja kecukupan modal (Persetujuan Modal 1998) dengan rangka kerja yang lebih sensitif terhadap risiko. Dalam menyokong inisiatif ini, BNM telah memberi maklum balas dan menyertai perbincangan-perbincangan mengenai isu-isu yang berkaitan dengan draf Persetujuan baru ini. Jawatankuasa Basel mengenai Penyeliaan Perbankan bercadang untuk mengkaji kesan Persetujuan baru ini terhadap bank-bank dan seterusnya mengedarkan kertas rundingan pada tahun 2002. Persetujuan ini akan dimuktamadkan pada tahun 2002 untuk pelaksanaan pada tahun 2005.

BNM telah berpeluang untuk berkongsi pengalamannya mengenai isu aliran modal dan dasar di negara ekonomi baru, yang merupakan subjek di Mesyuarat Lembaga Bulanan BIS pada bulan September 2001. Pada tahun 2001, BNM juga menerima jemputan BIS untuk menyertai kaji selidik BIS mengenai statistik perbankan antarabangsa. Data ini dikemukakan pada setiap suku tahun, berdasarkan kepada maklumat perbankan antarabangsa terkini mengikut kawasan dan instrumen.

Di Persidangan Kemuncak ke-11 Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan Kumpulan 15 (G-15) yang diadakan pada bulan Mei 2001, kebimbangan telah disuarakan mengenai peningkatan pergantungan ke atas aliran modal swasta dalam membiayai pembangunan yang telah menyebabkan pembahagian sumber yang tidak sama rata di kalangan negara-negara, dan pada masa yang sama, ia juga menggalakkan kemudahubahan aliran kewangan. Berikutan kekurangan aliran masuk modal ke negara-negara sedang membangun meskipun terdapat usaha-usaha penstrukturan dan penyusunan semula, peserta-peserta telah menyarankan agar kerjasama di antara pihak awam dan pihak swasta dipertingkatkan dalam usaha menambah aliran modal tersebut. Pelabur-pelabur disarankan mengambil kira objektif pembangunan negara-negara tuan rumah.

Di peringkat serantau, Malaysia terus memainkan peranan yang aktif dalam Kumpulan Pakar SEACEN mengenai Aliran Modal (SEG). Kemajuan telah dicapai dalam pembentukan satu set templat data umum supaya ahli SEG dapat bertukar-tukar maklumat mengenai aliran modal. Sebagai langkah ke hadapan, SEG akan berusaha membuat cadangan yang konkrit dan praktikal yang boleh dilaksanakan bersendirian atau bersama-sama dengan ahli SEG yang lain dalam meningkatkan pengurusan risiko kemudahubahan aliran modal.

Berikutan cabaran-cabaran yang berpunca daripada peningkatan globalisasi dan liberalisasi kewangan, Malaysia telah menegaskan di Mesyuarat MFG yang ke-9 pada bulan Disember 2001 akan perlunya inisiatif-inisiatif tambahan. Di peringkat antarabangsa, Malaysia mencadangkan agar institusi kewangan antarabangsa memainkan peranan yang lebih dalam menggalakkan dan melindungi kestabilan kewangan antarabangsa. Inisiatif-inisiatif di peringkat serantau termasuk pengukuhan pemantauan serantau dan peraturan pembiayaan serantau yang lebih baik. Di peringkat negara, satu rangka kerja pengurusan risiko bersepadu boleh dibentuk bagi memantau aliran modal hutang dan bukan hutang, mengenalpasti tahap risiko yang munasabah dan membentuk kaedah dan teknologi untuk mengukur dan memantau risiko yang meningkat.

Pada tahun ini, terdapat kemajuan dalam inisiatif-inisiatif yang sedang berlangsung berkaitan dengan **institusi berleveraj tinggi** (HLI). Satu Kumpulan Kerja HLI (gabungan Jawatankuasa Basel mengenai Penyeliaan Perbankan dan Organisasi Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti (IOSCO)), telah mengkaji isu-isu berkaitan dengan urusan-urusan di antara bank dan firma sekuriti dengan HLI pada bulan Mac 2001. Kemajuan yang menggalakkan oleh firma-firma dalam melaksanakan cadangan-cadangan Amalan Utuh HLI yang dikemukakan oleh kedua-dua Jawatankuasa Basel dan IOSCO terbukti apabila pihak pengurusan atasan telah mengukuhkan pengawasan mereka melalui dasar yang lebih baik dan definisi ambilan risiko yang lebih jelas. Kerja-kerja tambahan adalah diperlukan dalam usaha-usaha penilaian ke atas pendedahan firma-firma kepada HLI. Walaupun pendedahan HLI kepada rakan-rakan niaga mereka telah diperbaiki, namun kemajuan ini tidak konsisten.

Kajian oleh Kumpulan Kerja Forum Kestabilan Kewangan (FSF) mengenai HLI pada bulan Mac 2001 melaporkan penemuan yang sama di bidang pengurusan risiko rakan niaga dan penzahiran. Di bidang tingkah laku pasaran, Prinsip Perdagangan Pertukaran Asing yang diperkenalkan pada bulan Februari 2001 akan dimasukkan ke dalam kod tingkah laku pasaran yang sedia ada. Kemajuan dalam pembentukan amalan dokumentasi

undang-undang yang sah dilaporkan adalah baik, namun kemajuan dalam meningkatkan konsistensi di antara piawaian dokumentasi yang berbeza di antara industri adalah susah untuk dicapai.

Walaupun terdapat kemajuan dalam inisiatif-inisiatif HLI, ia masih menjadi isu di beberapa forum, termasuk di Sidang Kemuncak ke-11 Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan Kumpulan 15 pada bulan Mei 2001 dan di Mesyuarat ke-9 Kumpulan Rangka Kerja Manila pada bulan Disember 2001. Memandangkan perlunya mengekalkan kestabilan kewangan antarabangsa, Menteri-Menteri G-15 menyeru supaya HLI diawasi dan dikawalselia supaya negara-negara tersebut dilindungi daripada kesan-kesan tidak stabil yang berpunca daripada aktiviti-aktiviti HLI.

Di Mesyuarat ke-9 Kumpulan Rangka Kerja Manila (MFG), BNM melahirkan kebimbangan bahawa tidak banyak perhatian diberi kepada kesan aktiviti-aktiviti dana lindung nilai ke atas keutuhan dan kestabilan pasaran baru muncul yang kecil. Ini adalah kerana inisiatif-inisiatif yang sedia ada hanya tertumpu pada usaha meningkatkan penzahiran oleh HLI dan memastikan rakan-rakan niaga mereka mengukuhkan amalan pengurusan risiko apabila berurusan dengan HLI. BNM menyatakan semula

Mesyuarat-mesyuarat Forum Kestabilan Kewangan (FSF)
Pada Tahun 2001

Mesyuarat Forum Kestabilan Kewangan
- 22 - 23 Mac, Washington, D.C., Amerika Syarikat
- 6 - 7 September, London, United Kingdom

Isu-isu yang Dibincangkan
- **Tinjauan Sistem Kewangan Antarabangsa**
  - Mengkaji kesan keadaan ekonomi global semasa ke atas kestabilan kewangan dan bersetuju mengenai keperluan untuk terus berhati-hati.
  - Mengkaji semula tindakbalas sistem dan pasaran kewangan utama terhadap kelembapan ekonomi dunia.

- **Institusi Berleveraj Tinggi (HLI)**
  - Mengkaji semula tindakan yang diambil setakat ini untuk mengatasi masalah yang dibangkitkan dalam laporan Kumpulan Kerja Institusi Berleveraj Tinggi.
  - Mengalu-alukan kerja yang disiapkan oleh Kumpulan Kerja Pelbagai Disiplin untuk Meningkatkan Ketelusan dan menggalakkan supaya inisiatif ini dilaksanakan.
  - Mengalu-alukan dan menggalakkan lagi usaha Jawatankuasa Pemandu Dokumentasi Global dalam memastikan konsistensi dokumen piawaian.

- **Pusat Kewangan Di Luar Pesisir (OFC)**
  - Mengalu-alukan usaha badan-badan yang menetapkan piawaian dan institusi kewangan antarabangsa untuk memperbaiki amalan penyeliaan, pengawalan dan kerjasama dan maklumat dalam OFC.
  - Menggalakkan OFC supaya terus meningkatkan pelaksanaan piawaian antarabangsa yang berkaitan, mendapatkan bantuan daripada IMF dan Bank Dunia, dan menyertai program-program penilaian.
  - Mendapati bahawa pendedahan pelan tindakan dan hasil penilaian adalah satu cara yang baik bagi OFC untuk menunjukkan kemajuan mereka ke arah pencapaian piawaian tersebut.
  - Mengkaji semula tindakan yang telah diambil setakat ini untuk mengatasi kebimbangan yang dibangkitkan dalam laporan Kumpulan Kerja FSF mengenai OFC yang telah dikeluarkan pada bulan Mac 2000.
  - Mengalu-alukan cadangan Jawatankuasa Basel mengenai Penyeliaan Perbankan supaya menubuhkan kumpulan perhubungan dengan para penyelia di luar pesisir.

- **Pelaksanaan Piawaian**
  - Mengkaji kerja untuk menggalakkan pelaksanaan piawaian antarabangsa bagi membina sistem kewangan yang kukuh.
  - Membincang kemajuan dalam pemberian insentif bagi menggalakkan pelaksanaan piawaian.

- **Garis Panduan Antarabangsa mengenai Sistem Deposit Insurans**
  - Mengalu-alukan kemajuan dalam membentuk garis panduan bagi negara-negara yang sedang menubuhkan atau melaksanakan reformasi sistem deposit insurans.

- **Pengurusan Risiko dan Peraturan Modal**
  - Mengalu-alukan kerja-kerja Forum Bersama (Jawatankuasa Basel mengenai Penyeliaan Perbankan, Persatuan Antarabangsa Penyelia-penyelia Insurans dan Organisasi Antarabangsa Suruhanjaya Sekuriti) dalam membuat perbandingan mengenai kaedah-kaedah dalam pengurusan risiko dan peraturan modal dalam sektor perbankan, insurans dan sekuriti.

- **Kekukuhan Sektor Kewangan**
  - Mengalu-alukan kerja-kerja Forum Bersama dalam membandingkan tiga set Prinsip Utama bagi penyeliaan perbankan, penyeliaan insurans dan pengawalan sekuriti yang lebih berkesan.

- **Perkembangan dalam E-kewangan**
  - Membincangkan implikasi perkembangan dalam E-kewangan ke atas penyeliaan, pengawalan dan cara pasaran berfungsi.

pendiriannya bahawa "kawalan sendiri" di kalangan HLI bukanlah satu pilihan yang berdaya maju. Langkah-langkah tambahan telah dicadangkan iaitu memperbaiki bidang pengurusan risiko oleh kedua-dua dana lindung nilai dan bank, amalan urus niaga dana lindung nilai, mengenalpasti insentif untuk dana lindung nilai mematuhi amalan-amalan dan mengenalpasti mekanisme untuk menyelesaikan pertelingkahan mengenai akitiviti-aktiviti dana lindung nilai di antara ekonomi-ekonomi yang terlibat.

Isu **penyertaan sektor swasta** dalam menghalang dan menyelesaikan krisis kewangan telah mencapai lebih banyak kemajuan pada tahun 2001. Berdasarkan prinsip asas di mana ekonomi pasaran memerlukan pihak penghutang dan pemiutang swasta menanggung kesan daripada keputusan mereka, prinsip-prinsip mengenai ketelusan dan komunikasi yang baik telah disediakan oleh Kumpulan Kerja mengenai Perhubungan Pemiutang dan Penghutang, yang ditubuhkan oleh Kumpulan Rundingan Pasaran Modal IMF. Kumpulan Rundingan ini terdiri daripada wakil-wakil kanan institusi kewangan swasta yang kerap mempunyai dialog secara tidak rasmi dengan IMF.

Sebagai langkah seterusnya, pada bulan November 2001, pihak IMF telah mencadangkan satu rangka kerja bagi menggalakkan kedua-dua pihak penghutang dan pemiutang untuk menstruktur semula hutang Kerajaan yang terbayar dengan cara yang lebih berkesan dan cekap. Mekanisme IMF menawarkan kepada negara yang berhutang perlindungan daripada tindakan undang-undang oleh pemiutang yang menghalang penstrukturan semula yang perlu dibuat, manakala negara berhutang pula perlu berunding dengan pemiutang mereka dengan niat baik dan melaksanakan dasar bagi mengelakkan daripada masalah yang sama berulang pada masa akan datang. Mekanisme yang dicadangkan ini bertujuan untuk menangani isu rumit berkaitan penstrukturan semula hutang negara dengan cara yang teratur, boleh dijangka dan cepat. Namun demikian, terdapat banyak isu lain yang merangkumi isu perundangan hingga ke isu politik, yang perlu diselesaikan sebelum mekanisme ini dapat dilaksanakan. Kajian susulan perlu dibuat supaya prinsip dan peraturan mekanisme ini jelas, munasabah dan boleh dilaksanakan.

Perbincangan mengenai **rejim kadar pertukaran** terus mendapat perhatian masyarakat antarabangsa, dan ramai mengakui bahawa tidak ada satu rejim kadar pertukaran yang sesuai untuk semua negara dalam semua keadaan. Tambahan pula, terdapat kata sepakat di kalangan masyarakat antarabangsa, termasuk di Mesyuarat Eksekutif Bank-bank Pusat

Asia Timur dan Pasifik (EMEAP) dan Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) serta institusi kewangan antarabangsa seperti IMF, bahawa negara-negara perlu mengamalkan rejim kadar pertukaran yang menyokong dan membantu dasar ekonomi makro dan dasar struktur mereka.

Di tengah-tengah perdebatan mengenai kos dan kebaikan rejim "dua penjuru" iaitu rejim kadar pertukaran yang diapung secara bebas atau kadar pertukaran tetap, IMF menegaskan akan pentingnya bagi negara-negara untuk mengamalkan rejim kadar pertukaran yang sejajar dengan keadaan khusus asas ekonomi makro mereka. Mengenai sistem kadar pertukaran tetap Malaysia, IMF dalam pemerhatiannya dalam Rundingan Tahunan Artikel IV dengan Malaysia pada bulan Ogos 2001, mendapati bahawa sistem kadar tetap adalah sesuai selagi kadar pertukaran ringgit adalah sejajar dengan keseimbangan jangka panjang dan asas ekonomi kekal teguh. Justeru itu, yang menjadi isu bukanlah rejim kadar pertukaran yang diguna pakai, akan tetapi sama ada rejim kadar pertukaran itu boleh disokong oleh dasar yang kukuh yang memenuhi keperluan ekonomi dan tidak menyebabkan ketidakseimbangan ekonomi makro. Dalam hal ini, adalah dirumuskan bahawa kadar pertukaran tetap Malaysia telah disokong secukupnya oleh asas ekonomi Malaysia yang kukuh.

Penyertaan dalam Mesyuarat IMF

Sebagai sebahagian daripada program luarannya, IMF telah menganjurkan lawatan sambil belajar ke negara-negara ahlinya secara berkala untuk menyesuaikan Pengarah-pengarah Eksekutif IMF dengan keadaan terkini di negara-negara ahli. Malaysia telah menjadi tuan rumah kepada lawatan sekumpulan Pengarah Eksekutif IMF pada 25-27 Oktober 2001 dalam lawatan sambil belajar mereka ke empat buah negara Asia Tenggara (yang lain adalah Kemboja, Thailand dan Vietnam). Pengarah-pengarah IMF telah mengadakan perbincangan yang meluas dengan Timbalan Perdana Menteri, Gabenor BNM, Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti, lain-lain pegawai kanan Kerajaan, serta wakil-wakil dari sektor swasta. Malaysia memaklumkan kepada IMF mengenai keadaan ekonomi semasa dan dasar di Malaysia. Dalam menjawab soalan yang diajukan oleh Pengarah-pengarah Eksekutif, Malaysia telah menyuarakan pandangannya mengenai perlunya memberi cadangan-cadangan dasar yang lebih fleksibil, dengan mengambil kira rangka kerja institusi dan keadaan khusus ekonomi, sosial dan politik sesebuah negara. Malaysia turut melahirkan pandangan bahawa walaupun Malaysia menyokong usaha IMF dalam memperbaiki ketelusan dalam operasinya, Malaysia berpendapat perlunya untuk mencapai keseimbangan dari segi mengekalkan rahsia berkaitan nasihat dasar IMF kepada negara-negara ahli.

Mengenai dasar kadar pertukaran, BNM menekankan bahawa bagi sesebuah ekonomi yang kecil dan amat terbuka yang berorientasikan perdagangan seperti Malaysia, kestabilan dalam kadar pertukaran adalah penting. Di Malaysia, sistem kadar pertukaran tetap disokong oleh dasar ekonomi makro dengan inflasi yang rendah, imbangan luar yang kukuh, hutang luar yang rendah, tahap rizab yang tinggi, dan sistem perbankan yang cukup modal. Keadaan pertukaran asing dan pasaran kewangan yang stabil telah membenarkan kemajuan yang nyata dalam penyusunan semula sektor kewangan dan korporat.

Dalam bidang perbankan dan kewangan Islam di arena antarabangsa, BNM telah menghadiri mesyuarat yang dianjurkan oleh IMF termasuk mesyuarat jawatankuasa persediaan dan mesyuarat perundingan peringkat Gabenor mengenai Pengurusan Risiko dan Piawaian Pengawalseliaan bagi Institusi Kewangan Islam. Mesyuarat tersebut membincangkan kebolehlaksanaan penubuhan satu badan piawaian untuk institusi kewangan Islam yang antara lain, bertujuan untuk memajukan dan menggalakkan piawaian berhemat, penzahiran dan pengawalseliaan bagi menangani risiko produk kewangan Islam. Mesyuarat tersebut dihadiri oleh Gabenor dan pegawai kanan bank pusat dari Arab Saudi, Bahrain, Bangladesh, Indonesia, Iran, Jordan, Kuwait, Malaysia, Mesir, Pakistan dan Sudan, serta wakil-wakil IMF, Bank Pembangunan Islam (IDB) dan Pertubuhan Perakaunan dan Pengauditan bagi Institusi Kewangan Islam (AAOIFI).

Jawatankuasa persediaan telah mengadakan mesyuarat pada bulan Mac 2001 (Washington D.C.), Jun 2001 (Kuala Lumpur), Julai 2001 (Bahrain) dan Januari 2002 (Paris) bagi menyediakan rangka kerja dan Artikel Perjanjian bagi badan piawaian tersebut untuk dibincangkan di mesyuarat perundingan peringkat Gabenor. Mesyuarat perundingan peringkat Gabenor telah diadakan pada bulan September 2000 (Prague), April 2001 (Washington D.C.) dan November 2001

(Paris). Dalam mesyuarat yang diadakan pada bulan November, kesemua Gabenor telah bersetuju terhadap penubuhan satu badan piawaian bagi institusi kewangan Islam, dan Malaysia menjadi negara tuan rumah kepada badan piawaian tersebut. Dalam perkembangan yang berkaitan, Bahrain dan Malaysia telah memeterai satu Memorandum Persefahaman pada bulan Oktober 2001 dengan objektif untuk meningkatkan kerjasama di bidang kewangan. Usaha ini akan melibatkan kerjasama dan permuafakatan dengan negara-negara lain bagi membangunkan Pasaran Kewangan Islam Antarabangsa.

LIBERALISASI SEKTOR KEWANGAN

Pertubuhan Perdagangan Sedunia

Peristiwa yang paling penting bagi Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) pada tahun 2001 merupakan Persidangan Menteri WTO yang Keempat (PM Ke-4) yang telah diadakan di Doha, Qatar, pada 9-14 November 2001. PM Ke-4 bersetuju untuk melancarkan pusingan baru rundingan perdagangan pelbagai hala, yang dikenali sebagai Agenda Pembangunan. Pusingan baru rundingan perdagangan ini merangkumi rundingan yang sedang dijalankan dalam sektor pertanian dan perkhidmatan, serta rundingan atau rundingan yang mungkin diadakan mengenai pelbagai isu, termasuk pembukaan pasaran untuk barangan bukan-pertanian, isu pelaksanaan, alam sekitar, pelaburan, dasar persaingan dan ketelusan dalam perolehan kerajaan. Rundingan di bawah Agenda Pembangunan ini dijadualkan selesai pada 1 Januari 2005.

Satu pusingan baru rundingan perdagangan pelbagai hala, merangkumi rundingan dalam sektor pertanian dan perdagangan serta beberapa bidang baru, telah dilancarkan pada tahun 2001. Rundingan akan diselesaikan pada 1 Januari 2005.

Malaysia menyokong pelancaran pusingan baru rundingan perdagangan pelbagai hala tetapi menekankan keperluan supaya diadakan satu agenda yang seimbang dan boleh diurus yang memberi pertimbangan sewajarnya kepada kepentingan dan kebimbangan semua ahli WTO, terutama sekali negara membangun. Oleh yang demikian, Malaysia menyokong kemasukan rundingan sektor pertanian dan perkhidmatan, serta pembukaan pasaran untuk barangan bukan pertanian. Tambahan lagi, pusingan baru ini turut mengakui keperluan khusus negara membangun, terutamanya dalam melaksanakan perjanjian WTO yang sedia ada, dan mendapatkan komitmen ahli WTO untuk menangani kelemahan negara membangun melalui bantuan teknikal dan pembangunan kapasiti. Mengenai isu yang boleh menimbulkan perselisihan seperti pelaburan, dasar persaingan, ketelusan dalam perolehan kerajaan dan fasilitasi perdagangan, proses pembelajaran berdasarkan program kerja yang lebih tertumpu akan diteruskan. Setelah mengambilkira pandangan beberapa buah negara membangun, rundingan berkenaan isu-isu ini hanya akan bermula selepas PM Ke-5, dengan syarat semua ahli WTO bersetuju dengan kaedah rundingan tersebut.

Rundingan untuk meliberalisasikan lagi sektor perkhidmatan, termasuk sektor perkhidmatan kewangan, telah dilancarkan secara rasmi pada 25 Februari 2000. PM Ke-4 seterusnya telah bersetuju supaya ahli WTO menyerahkan permohonan awalan bagi komitmen yang spesifik pada 30 Jun 2002 dan tawaran awalan pada 31 Mac 2003. Persetujuan juga dicapai supaya rundingan dalam sektor perkhidmatan diselesaikan selewat-lewatnya pada 1 Januari 2005.

BNM terlibat secara aktif dalam rundingan sektor perkhidmatan pada tahun 2001, terutamanya dalam perbincangan untuk meliberalisasikan lagi sektor perkhidmatan kewangan. Dengan bermulanya rundingan peringkat "permohonan dan tawaran" pada 28 Mac 2001, beberapa buah negara telah mengemukakan cadangan rundingan dalam sektor perkhidmatan kewangan, dengan mengenalpasti bidang dan isu yang mereka ingin ketengahkan dalam rundingan pusingan ini. Ini termasuklah permohonan supaya sekatan sedia ada dalam kemasukan pasaran dan layanan yang mengutamakan peserta tempatan dihapuskan, serta menyarankan supaya pihak berkuasa tempatan meningkatkan tahap ketelusan dalam pengawalseliaan sektor kewangan.

Pada akhir rundingan pusingan perkhidmatan kewangan yang lalu, yang tamat pada bulan Disember 1997, Malaysia telah membuat beberapa komitmen yang lebih baik dalam sektor insurans dan

Jadual Rundingan WTO mengenai Perdagangan Perkhidmatan (2000-2005)	
25 Februari 2000 Rundingan pusingan baru bagi sektor perkhidmatan telah dilancarkan secara rasmi.	Rundingan telah dimulakan dengan peringkat "merangka peraturan" di mana ahli WTO telah merundingkan peraturan dan disiplin baru berkenaan beberapa peruntukan yang spesifik dalam Perjanjian Am mengenai Perdagangan Perkhidmatan (GATS), termasuk subsidi, perlindungan kecemasan dan perolehan kerajaan. Perbincangan juga tertumpu kepada kaedah dan garis panduan bagi peringkat "permohonan dan tawaran", penjadualan garis panduan dan disiplin ke atas pengawalan domestik. BNM terlibat secara aktif dalam rundingan untuk menggubal langkah-langkah perlindungan kecemasan (*emergency safeguard measures*) bagi sektor perkhidmatan (sila rujuk Laporan Tahunan BNM 2000).
28 Mac 2001 Rundingan sektor perkhidmatan memasuki peringkat "permohonan dan tawaran"	Rundingan peringkat "permohonan dan tawaran" bermula apabila ahli WTO menerima garis panduan rundingan. Rundingan bagi meliberalisasikan lagi sektor perkhidmatan akan dijalankan berdasarkan cadangan-cadangan rundingan yang telah dikemukakan oleh ahli WTO. "Permohonan dan tawaran" merupakan satu pendekatan rundingan dua hala, di mana rundingan dijalankan berdasarkan permohonan yang dibuat oleh sebuah negara kepada rakan perdagangannya, dan tawaran yang diberikan oleh rakan perdagangan tersebut.
30 Jun 2002	Ahli WTO perlu membuat permohonan awalan untuk komitmen-komitmen yang spesifik daripada ahli yang lain pada 30 Jun 2002.
31 Mac 2003	Ahli WTO perlu membuat tawaran awalan untuk komitmen-komitmen yang spesifik pada 31 Mac 2003.
1 Januari 2005	Rundingan sektor perkhidmatan dijadual tamat.

kewangan luar pesisir. Malaysia telah membuat komitmen di bawah Perjanjian Am mengenai Perdagangan Perkhidmatan (GATS) untuk membenarkan had agregat maksimum pemegangan ekuiti rakyat asing sebanyak 30% dalam institusi perbankan tempatan. Selaras dengan dasar penyatupaduan dalam sektor perbankan, tiada komitmen dibuat untuk mengeluarkan lesen perbankan yang baru kepada rakyat tempatan mahupun asing. Dalam sektor insurans, satu komitmen telah dibuat untuk membenarkan pemegang saham rakyat asing yang sedia ada memiliki sehingga 51% ekuiti syarikat insurans. Tambahan lagi, kemasukan baru syarikat insurans asing adalah dibenarkan melalui penyertaan (sehingga 30% daripada jumlah ekuiti) dalam syarikat insurans yang diperbadankan di Malaysia.

Rundingan bagi meliberalisasikan lagi sektor kewangan akan mengikuti haluan pembangunan sektor kewangan yang telah ditetapkan dalam Pelan Induk Sektor Kewangan (PISK). Pada masa kini, penyertaan asing dalam sektor kewangan tempatan adalah tinggi. 14 daripada 27 buah bank perdagangan (termasuk dua bank Islam) adalah dimiliki sepenuhnya oleh rakyat asing dan rakyat asing juga memiliki, secara purata

sebanyak 18% daripada jumlah ekuiti lima buah bank milik rakyat tempatan. Secara keseluruhannya, rakyat asing menguasai kira-kira 32% daripada jumlah aset bank perdagangan. Penyertaan asing turut tinggi dalam industri insurans tempatan, di mana 25 daripada 63 syarikat insurans dimiliki oleh rakyat asing. Syarikat insurans yang dimiliki oleh rakyat asing ini menguasai sebanyak 64% daripada jumlah premium insurans hayat dan 39% daripada jumlah premium insurans am.

Selaras dengan komitmen untuk terus meliberalisasikan lagi sektor kewangan, dasar pada tahun 2001 memberi tumpuan kepada pengukuhan kapasiti dan keupayaan institusi kewangan tempatan. Ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kebolehan institusi kewangan tempatan supaya mereka boleh bersaing dengan institusi kewangan asing pada tahap yang lebih saksama. Rundingan bagi meliberalisasikan sektor perkhidmatan kewangan di bawah pusingan yang baru ini telah meningkatkan lagi keperluan untuk mengukuhkan kapasiti institusi kewangan tempatan. Beberapa inisiatif untuk membangunkan kapasiti telah dikenalpasti di bawah PISK, termasuklah strategi-strategi tertentu untuk meningkatkan tahap prestasi. Dalam pada itu, sebagai sebahagian daripada langkah untuk membangunkan lagi sektor kewangan, PISK telah mengenalpasti beberapa langkah liberalisasi yang akan diambil dalam tempoh 10 tahun yang akan datang.

Perjanjian Rangka Kerja ASEAN berkenaan Perkhidmatan

Perjanjian Rangka Kerja ASEAN berkenaan dengan Perkhidmatan (AFAS) telah ditandatangani pada 15 Disember 1995 oleh Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN di Persidangan Kemuncak ASEAN yang Ke-5 di Bangkok. Matlamat AFAS ialah untuk membangun dan mempertingkatkan daya saing industri perkhidmatan ASEAN melalui, antara lainnya, meliberalisasikan perdagangan perkhidmatan melebihi komitmen yang dibuat dalam GATS (iaitu, GATS-plus). Pusingan pertama rundingan di bawah AFAS untuk meliberalisasikan sektor perkhidmatan, termasuk sektor perkhidmatan kewangan, telah tamat pada tahun 1998. Seterusnya, pusingan rundingan yang kedua telah dilancarkan pada bulan Januari 1999, dan dijadualkan tamat pada tahun 2001. Sehubungan dengan itu, pada bulan Ogos 2000, "Jawatankuasa Kerja mengenai Liberalisasi Kewangan ASEAN di bawah AFAS" telah ditubuhkan untuk menyediakan satu forum rundingan bagi meliberalisasikan sektor kewangan di kalangan negara-negara ASEAN. BNM telah menyertai beberapa mesyuarat Jawatankuasa Kerja tersebut sepanjang tahun 2001, di mana ahli ASEAN mengemukakan dan berunding mengenai tawaran GATS-plus mereka. Tawaran-tawaran komitmen oleh negara ASEAN telah diselesaikan dan "Protokol untuk Melaksanakan Pakej Komitmen Perkhidmatan Kewangan di bawah AFAS" dijangka ditandatangani pada bulan April 2002.

INISIATIF KERJASAMA SERANTAU

Kerjasama Kewangan ASEAN

Kemajuan penting telah dibuat di dalam beberapa inisiatif bagi mengeratkan lagi kerjasama serantau pada tahun 2001. Di peringkat ASEAN, BNM telah mempengerusikan Forum Bank Pusat ASEAN (ACBF), iaitu sebuah forum bagi Timbalan Gabenor daripada 10 bank-bank pusat dan pihak berkuasa kewangan ASEAN untuk bertukar pendapat mengenai perkembangan ekonomi dan kewangan serantau. Sehubungan dengan ini, BNM telah mempengerusikan Mesyuarat ACBF yang Ke-8 dan Ke-9, yang telah diadakan di Kuala Lumpur masing-masing pada 3 April dan 13 September 2001. Semasa mesyuarat ACBF yang Ke-9, ahli bank-bank pusat telah bersetuju untuk mengukuhkan format ACBF bagi mempertingkatkan lagi proses pemantauan antara anggota dan menggalakkan pertukaran pendapat secara terbuka sesama negara anggota.

Selaku pengerusi Pasukan Petugas Mata Wang dan Mekanisme Pertukaran Asing ASEAN, BNM telah menganjurkan satu seminar mengenai "Peraturan Mata Wang Tunggal dan Mekanisme Pertukaran Asing dalam ASEAN" di Kuala Lumpur pada 6 - 7 Ogos 2001, dan mempengerusikan mesyuarat pertama Pasukan Petugas pada 8 Ogos 2001. Seminar yang dianjurkan itu telah memberi peluang kepada para peserta untuk mendengar pendapat pakar-pakar mengenai prasyarat, kos dan faedah peraturan mata wang tunggal. Mesyuarat pertama Pasukan Petugas telah bersetuju bahawa tugas Pasukan Petugas akan tertumpu kepada mengenalpasti kos, faedah dan kesesuaian untuk mengadakan mata wang tunggal dalam ASEAN.

Satu lagi perkembangan penting dalam kerjasama kewangan ASEAN pada tahun 2001 adalah persetujuan memorandum persefahaman bagi menubuhkan Institut Latihan dan Penyelidikan Insurans ASEAN (AITRI) di Malaysia, iaitu sebagai sebuah pusat rangkaian pembelajaran dan penyelidikan insurans di ASEAN. Sebagai permulaan, operasi AITRI akan dikendalikan oleh Institut Insurans Malaysia. Pada 8 April 2001, Menteri-menteri Kewangan ASEAN telah menandatangani

Usaha untuk mengukuhkan kerjasama serantau dipergiatkan lagi pada tahun 2001. Kemajuan telah dicapai dalam pelaksanaan Inisiatif Chiang Mai dan kerja telah bermula bagi mempertingkatkan keberkesanan ulasan ekonomi dan perbincangan dasar serantau.

"Protokol untuk Menubuhkan Skim Insurans Wajib Kenderaan Motor ASEAN". Pelaksanaan Protokol ini adalah langkah pertama ke arah penubuhan satu skim insurans dalam ASEAN yang akan memudahkan pergerakan barangan di antara negara ASEAN, di mana ini akan mengurangkan kelewatan dalam menyeberangi sempadan.

Kerjasama Kewangan ASEAN+3

Pada tahun 2001, perkembangan penting telah dibuat dalam pelaksanaan Inisiatif Chiang Mai (CMI), yang telah dilancarkan oleh Menteri-Menteri Kewangan ASEAN dan rakan sejawatan mereka dari Republik Rakyat China, Jepun dan Korea (iaitu Menteri-Menteri Kewangan ASEAN+3) pada 6 Mei 2000.

Mesyuarat Forum Bank Pusat ASEAN Pada Tahun 2001

I. ACBF Ke-8, 3 April 2001, Kuala Lumpur, Malaysia
II. ACBF Ke-9, 13 September 2001, Kuala Lumpur, Malaysia

Isu-isu yang Dibincangkan:

- **Pemantauan Antara Anggota:** Ahli-ahli membincangkan dengan mendalam implikasi kelemahan ekonomi dunia terhadap negara-negara ASEAN dan bertukar pendapat mengenai dasar tindakbalas yang telah diambil oleh negara-negara anggota untuk mengurangkan kesan-kesan buruk yang dihadapi. Mesyuarat telah bersetuju bahawa pengukuhan di dalam permintaan dalam negeri adalah penting bagi mengurangkan kesan-kesan yang disebabkan oleh kelemahan di dalam permintaan luar ke atas pertumbuhan ekonomi serantau. Ahli-ahli juga telah bersetuju bahawa adalah sangat penting untuk mengekalkan kestabilan kadar pertukaran mata wang dan kewangan di rantau ini, dan memperkukuhkan penyusunan semula sektor kewangan dan korporat.

- **Peraturan Swap Dua Hala (BSA) di bawah Inisiatif Chiang Mai:** Ahli-ahli membincangkan kemajuan dalam pelaksanaan BSA.

- **Cadangan Langkah-langkah untuk Mempertingkatkan Ulasan Ekonomi dan Perbincangan Dasar Serantau:** Ahli-ahli bertukar pendapat mengenai cadangan langkah-langkah untuk menggalakkan ulasan ekonomi dan perbincangan dasar yang sedia ada di antara negara-negara ASEAN+3.

- **Mata Wang Tunggal dan Mekanisme Pertukaran Asing ASEAN:** Ahli-ahli membincangkan laporan yang dibentangkan oleh Pengerusi Pasukan Petugas Mata Wang dan Mekanisme Pertukaran Asing ASEAN, dan bersetuju bahawa Pasukan Petugas perlu membuat analisis terhadap kos dan faedah mempunyai mata wang tunggal di ASEAN, dan mengenalpasti langkah-langkah yang perlu diambil untuk memastikan peraturan mata wang tunggal akan dapat dilaksanakan.

- **Persidangan Gabenor Bank Pusat ASEAN:** Ahli-ahli membincangkan cadangan untuk menganjurkan Persidangan Tahunan Gabenor Bank Pusat ASEAN bagi melengkapkan ACBF. Persidangan ini akan menyediakan satu forum bagi Gabenor untuk bertukar pendapat mengenai perkembangan ekonomi dan kewangan serantau terkini, serta mengenalpasti bidang kerjasama di antara bank pusat ASEAN. Persetujuan telah dicapai untuk mengadakan Persidangan Gabenor yang Pertama, berkemungkinan pada bulan Jun 2002.

BNM telah menandatangani dua perjanjian Peraturan Swap Dua Hala (BSA) dengan Bank of Japan, yang bertindak bagi pihak Kementerian Kewangan Jepun, pada 5 Oktober 2001. Perjanjian-perjanjian ini adalah untuk BSA baru sebanyak AS$1 bilion di bawah CMI dan pembaharuan kepada peraturan swap yang sedia ada sebanyak AS$2.5 bilion di bawah Inisiatif Baru Miyazawa (NMI). Perjanjian-perjanjian ini adalah untuk jangka masa selama tiga tahun.

Di peringkat serantau, Jepun telah menandatangani peraturan swap sebanyak AS$2 bilion dengan Korea pada 4 Julai 2001. Ini adalah tambahan kepada peraturan swap yang sedia ada dengan Korea sebanyak AS$5 bilion di bawah NMI. Jepun juga telah menandatangani perjanjian peraturan swap dengan Thailand sebanyak AS$3 bilion pada 30 Julai 2001, dan dengan Filipina sebanyak AS$3 bilion pada 27 Ogos 2001. Thailand dan Republik Rakyat Cina telah menandatangani perjanjian peraturan swap sebanyak AS$2 bilion pada 6 Disember 2001.

Satu lagi perkembangan penting dalam kerjasama kewangan serantau adalah penubuhan "Kumpulan Kerja ASEAN+3 untuk Mengkaji Langkah-langkah bagi Mempertingkatkan Keberkesanan Ulasan Ekonomi dan Perbincangan Dasar" oleh Menteri-Menteri Kewangan ASEAN+3 semasa mesyuarat mereka di Honolulu pada 9 Mei 2001. Tugas Kumpulan Kerja tersebut adalah untuk mengkaji langkah-langkah bagi meningkatkan

Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan ASEAN dan ASEAN+3 Pada Tahun 2001

I. AFMM Ke-5, 7 - 8 April 2001, Kuala Lumpur, Malaysia
II. AFMM+3, 9 Mei 2001, Honolulu, Amerika Syarikat

Isu-isu yang Dibincangkan:

- **Pemantauan Antara Anggota:** Para Menteri mengambil maklum mengenai kemerosotan prospek ekonomi dunia dan langkah-langkah awalan yang telah diambil oleh sesetengah negara anggota untuk mengatasi kesan daripada permintaan luar yang rendah. Para Menteri bersetuju mengenai keperluan untuk meneruskan penyusunan semula sektor kewangan dan korporat, dan juga menggalakkan pembangunan sistem kewangan yang stabil dan kukuh untuk berupaya menghadapi kejutan luaran dengan lebih baik. Para Menteri juga bersetuju untuk mengadakan perbincangan dasar yang lebih erat dan memperkukuhkan kerjasama serantau dalam pemantauan aliran modal, mekanisme bantuan, dan penyusunan semula kewangan antarabangsa.

- **Kerjasama Kewangan ASEAN:** Para Menteri mengalu-alukan kemajuan dalam pelaksanaan Program Kerja Kewangan ASEAN, termasuk dalam memperkukuhkan sistem kewangan, pembangunan pasaran modal dan liberalisasi sektor kewangan di bawah AFAS.

- **Kerjasama Kewangan Asia Timur:** Para Menteri mengambil maklum kemajuan pelaksanaan BSA di bawah CMI dan bersetuju untuk mengkaji semula prinsip utama BSA dalam masa tiga tahun lagi, dengan mengambil kira operasi sebenar BSA dan faktor-faktor yang berkaitan.

- **Kumpulan Kerja untuk Mempertingkatkan Keberkesanan Ulasan Ekonomi dan Perbincangan Dasar:** Para Menteri bersetuju untuk menubuhkan Kumpulan Kerja ASEAN+3 untuk mempertingkatkan keberkesanan ulasan ekonomi dan perbincangan dasar di antara negara-negara ASEAN+3.

- **Pemantauan Aliran Modal:** Para Menteri bersetuju untuk mengadakan pertukaran maklumat mengenai aliran modal jangka pendek secara berterusan. Sehubungan dengan ini, negara anggota telah bersetuju untuk bertukar maklumat berkenaan aliran modal secara sukarela dengan menggunakan format yang telah dipersetujui.

- **Struktur Kewangan Antarabangsa:** Para Menteri mengambil maklum perkembangan di G-7, G-20 dan FSF pada tahun 2001.

keberkesanan ulasan ekonomi dan perbincangan dasar antara negara ASEAN+3. Ulasan dan perbincangan dasar yang lebih berkesan, termasuk pemantauan antara anggota, dapat membantu dalam mengenalpasti isu dan masalah yang bakal timbul, dan ini seterusnya membolehkan pihak berkuasa mengambil langkah-langkah dasar pembetulan dan awalan dan mengurangkan kesan penularan. Sebagai tambahan, proses perbincangan dasar serantau yang berkesan akan menggalakkan dasar makroekonomi yang baik dan menangani risiko moral yang mungkin timbul di dalam pelaksanaan CMI. Kumpulan Kerja tersebut telah dipengerusikan oleh Jepun dan Malaysia, dan terdiri daripada pegawai-pegawai kanan dari kementerian kewangan dan bank pusat negara-negara ASEAN+3. Mesyuarat pertama Kumpulan Kerja tersebut telah diadakan di Kuala Lumpur pada 22 November 2001. Mesyuarat tersebut telah membincangkan langkah-langkah untuk mempertingkatkan ulasan ekonomi dan perbincangan dasar serantau yang telah dicadangkan oleh Jepun dan BNM.

SEACEN

Semasa Persidangan Ketiga-Puluh Enam Gabenor-Gabenor Bank Pusat Asia Tenggara (SEACEN), yang diadakan di Singapura pada 1-2 Jun 2001, para Gabenor telah berkongsi pengalaman negara masing-masing dalam mengekalkan kestabilan kewangan. Perbincangan tersebut merangkumi pelbagai aspek termasuk isu-isu mengenai pengurusan kadar pertukaran; peningkatan keupayaan dan rangka kerja penyeliaan; dan pelaksanaan Persetujuan Modal Baru Basel.

Aktiviti utama yang telah dilaksanakan oleh Pusat Penyelidikan dan Latihan SEACEN (Pusat SEACEN) adalah penyempurnaan Kajian Semula Strategik SEACEN dan mengemukakannya kepada Lembaga Para Gabenor SEACEN pada bulan Jun 2001. Lembaga Gabenor telah menimbang cadangan-cadangan yang dibentangkan oleh Kajian Semula tersebut mengenai struktur, sumber dan operasi Pusat SEACEN. Cadangan-cadangan yang dibentangkan adalah untuk memastikan bahawa Pusat SEACEN masih relevan dalam meningkatkan kemahiran ahli-ahlinya bagi menghadapi cabaran arus globalisasi dan mengukuhkan peranannya sebagai pusat penyelidikan dan latihan yang unik dan bereputasi tinggi di rantau ini. Dalam hal ini, para Gabenor bersetuju pada dasarnya dengan cadangan untuk menjajar semula dan memberi tumpuan yang lebih kepada aktiviti dan struktur organisasi Pusat SEACEN. Satu langkah serta merta yang diambil untuk meningkatkan keberkesanan struktur pentadbiran Pusat SEACEN ialah penubuhan Jawatankuasa Eksekutif yang dianggotai oleh para Timbalan Gabenor dari ahli-ahli bank pusat. Struktur pentadbiran baru ini akan membolehkan Lembaga Gabenor untuk menyerahkan tanggungjawab mengenai pengurusan dan pengawasan operasi Pusat SEACEN, seperti program kerja tahunan dan belanjawan, kepada Jawatankuasa Eksekutif tersebut. Ini akan membolehkan Lembaga Gabenor, yang kekal sebagai badan penggubal dasar Pusat SEACEN yang tertinggi, memberi tumpuan yang lebih kepada pertimbangan isu-isu penting mengenai dasar monetari dan kewangan.

Untuk meningkatkan kualiti program-program latihannya, SEACEN terus mengukuhkan hubungan yang strategik dengan institusi-institusi kewangan antarabangsa seperti IMF, BIS dan Pusat Toronto. Sumber kewangan Pusat SEACEN telah dipertingkatkan oleh jaminan Bank of Japan untuk menyediakan pembiayaan bagi lima aktiviti latihan SEACEN setahun seperti yang dipersetujui oleh pihak Bank of Japan. Sepanjang Tahun Operasi 2001/2002 Pusat SEACEN, BNM telah menganjurkan dua aktiviti latihan iaitu Bengkel Strategi Komunikasi untuk Dasar Monetari (19-21 Februari 2002) dan Seminar Kepimpinan SEACEN-Pusat Toronto bagi Pihak Pengurusan Kanan Bank Pusat dalam Pemantauan Sistem Kewangan (18-22 Mac 2002).

Kumpulan Pakar SEACEN mengenai Aliran Modal (SEG) telah terus mencapai kemajuan untuk membentuk rangka kerja serantau bagi menggalakkan perkongsian maklumat mengenai aliran modal di kalangan ahli-ahlinya. Semasa Mesyuaratnya yang Ke-3 yang diadakan di Kuala Lumpur pada 3-4 Mei 2001, ahli-ahli bersetuju untuk memberi maklumat berdasarkan satu set data templat yang bertujuan untuk menangani masalah kekurangan data mengenai aliran modal. Data yang dikumpul akan dikongsi melalui kemudahan pertukaran data elektronik yang selamat yang akan ditempatkan di Pusat SEACEN. Semasa mesyuarat tersebut, ahli-ahli telah bertukar pengalaman negara masing-masing dalam pengurusan risiko aliran modal. Sebagai tambahan, bengkel separuh hari mengenai pengurusan risiko yang berkaitan dengan aliran modal telah diadakan, dengan pembentangannya oleh wakil Bank Dunia dan sektor swasta. Seterusnya, SEG akan memulakan kerja bagi mencapai objektif keduanya iaitu membentuk cadangan yang konkrit dan praktikal yang boleh dilaksanakan secara individu atau bersama oleh ahli-ahlinya dalam meningkatkan pengurusan risiko aliran modal yang mudah ubah.

Di bawah Skim Biasiswa dan Bantuan Tabung Amanah SEACEN (STF), empat biasiswa telah dianugerahkan kepada ahli-ahli bank pusat yang layak, sementara satu telah dianugerahkan kepada bank pusat pemerhati SEACEN. Skim tersebut, yang bermula pada tahun 1993, memberi bantuan kewangan kepada pegawai-pegawai dari ahli-ahli bank pusat dan bank pusat pemerhati yang layak untuk menghadiri program latihan yang dikendalikan oleh Pusat SEACEN.

EMEAP

Mesyuarat Eksekutif Asia Timur dan Pasifik (EMEAP) Bank-bank Pusat terus menjadi sebuah forum yang penting untuk kerjasama monetari dan kewangan di kalangan bank-bank pusat dan pihak berkuasa kewangan di rantau Asia Timur dan Pasifik. Pada tahun ini, para Timbalan EMEAP mengadakan mesyuarat dwi-tahunan mereka di Beijing pada 26 Mac, dan di Auckland pada 3 Disember. Mesyuarat Tahunan Ke-6 para Gabenor telah diadakan di Sydney pada 7 Julai 2001.

EMEAP, melalui aktiviti tiga kumpulan kerjanya, telah menyumbang kepada pembentukan kapasiti di kalangan ahli bank-bank pusat. Kumpulan Kerja mengenai Sistem Pembayaran dan Penjelasan menumpukan kepada langkah-langkah untuk mengurangkan risiko penjelasan kadar pertukaran di rantau EMEAP. Kumpulan Kerja mengenai Penyeliaan Perbankan memberikan tumpuan terutamanya terhadap cadangan Perjanjian Basel yang baru. Sementara itu, Kumpulan Kerja mengenai Pasaran Kewangan terus membincangkan mengenai perkembangan sistem penjelasan yang mempunyai jalinan berterusan untuk kadar pertukaran dan kesannya kepada operasi pasaran bank pusat dan pengurusan rizab di rantau ini. Tema utama yang dibincangkan oleh EMEAP pada tahun 2001 termasuklah menggalakkan kestabilan kewangan dengan tumpuan kepada pencapaian dan cabaran, harga aset serta dasar bank pusat.

Satu perkembangan yang berkaitan ialah penubuhan Majlis Perundingan Asia (ACC) BIS pada bulan Mac 2001. Para anggota terdiri daripada semua Gabenor bank pusat EMEAP di dalam BIS termasuklah Malaysia. ACC merupakan jentera perhubungan di antara anggota-anggota BIS dari Asia dan Pasifik dengan Lembaga dan pihak Pengurusan BIS tentang perkara-perkara di mana pihak bank pusat Asia mempunyai kepentingan dan kebimbangan. Mesyuarat pertamanya telah diadakan di Basel pada bulan Jun 2001.

Kumpulan Rangka Kerja Manila

Kumpulan Rangka Kerja Manila (MFG) para Timbalan Kewangan dan Bank Pusat bermesyuarat sebanyak dua kali pada tahun 2001, iaitu di Beijing pada 27-28 Mac, dan di Auckland pada 4-5 Disember, untuk mengkaji perkembangan ekonomi di rantau Asia Pasifik dan membincangkan isu-isu dasar yang berkaitan. Dalam hal pemantauan serantau, Kumpulan ini mengenal pasti bahawa keadaan ekonomi global terkini yang lemah telah meningkatkan keperluan para ahli untuk mengekalkan dasar ekonomi makro yang bersifat menyokong dan dasar struktur yang kukuh bagi melancarkan usaha-usaha yang dibuat supaya dapat kembali kepada suasana di mana ekonomi mengalami pertumbuhan yang baik, stabil dan kemiskinan dapat dibasmikan. Peristiwa 11 September telah menjadi asas untuk Kumpulan ini memberikan sokongannya kepada usaha Kumpulan 20 yang telah melancarkan Pelan Tindakan mengenai Pembiayaan Pengganas. Komitmen juga telah diberikan untuk melaksanakan langkah-langkah dalam Pelan tersebut mulai bulan Februari 2002.

Kumpulan tersebut juga telah membincangkan laporan Pasukan Petugas Peraturan Pembiayaan MFG, dengan penekanan terhadap prinsip-prinsip yang mungkin dapat menguruskan operasi peraturan pembiayaan yang bersifat bekerjasama, sebagaimana dicadangkan semasa MFG bersidang pada tahun 1997. Kumpulan ini telah bersetuju bahawa sebarang peraturan pembiayaan MFG akan melibatkan pembiayaan dua hala yang disokong oleh program IMF, berdasarkan setiap kes dan penyertaannya pula adalah secara sukarela. Isu-isu ini akan dibincangkan kembali oleh Kumpulan tersebut

Perbincangan pada peringkat serantau (EMEAP, APEC, MFG dan Majlis Perundingan Asia, BIS) tertumpu kepada pilihan dasar ekonomi makro untuk menangani kemelesetan ekonomi global. Kerjasama daripada kumpulan petugas telah menyumbang kepada pembentukan kapasiti domestik di kalangan ahli.

untuk memastikan ianya sentiasa sesuai digunakan oleh para anggota Kumpulan ini, dari segi prinsip serta cara pelaksanaannya yang akan menjadi asas kepada peraturan pembiayaan.

Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik

Sejajar dengan tema "Pertumbuhan dengan Penstrukturan, Kestabilan dan Kesaksamaan", Menteri-Menteri Kewangan APEC telah bermesyuarat di Suzhou, Republik Rakyat China pada 8-9 September 2001. Para Menteri Kewangan APEC telah menumpukan perhatian mereka kepada cabaran-cabaran dasar yang dihadapi oleh ekonomi APEC dalam menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan kestabilan kewangan di rantau ini. Menteri-Menteri Kewangan bersetuju bahawa perlunya reformasi struktur yang lebih komprehensif untuk mengukuhkan asas kestabilan makroekonomi dan pemulihan yang mampan dalam taraf kehidupan. Ahli-ahli APEC juga mengekalkan usaha-usaha bersama mereka di bawah pelbagai inisiatif APEC di sepanjang tahun tersebut. Sebagai tambahan, untuk memastikan agar APEC peka kepada kewujudan cabaran-cabaran ekonomi dan kewangan di rantau ini, para Menteri turut mengesahkan Kajian Semula Strategik terhadap Proses Menteri-Menteri Kewangan APEC. Kajian Semula Strategik tersebut telah mengemukakan rangka kerja baru yang akan menjadi teras kepada kerja yang dijalankan di bawah proses kewangan untuk melengkapkan visi keseluruhan APEC. Rangka kerja baru tersebut telah mengambil kira keunikan serta kelebihan dan batasan APEC, seperti keahlian APEC yang pelbagai, penglibatan secara sukarela oleh ahli-ahlinya dan sumber-sumber yang terhad untuk membangunkan inisiatif-inisiatif dasar.

Dari segi usaha kerjasama, BNM terus mengambil bahagian dalam program kerja APEC yang dikendalikan di bawah pelbagai inisiatif. Program kerja ini merangkumi aktiviti-aktiviti kumpulan utama;

Mesyuarat-Mesyuarat APEC Pada Tahun 2001

I. Mesyuarat Pegawai Kewangan dan Bank Pusat Peringkat Timbalan APEC
   1 Mei, Washington D. C., Amerika Syarikat
   6-7 September, Suzhou, Republik Rakyat China

II. Mesyuarat Ke-8 Menteri-Menteri Kewangan APEC
   8-9 September, Suzhou, Republik Rakyat China

Isu-isu yang Dibincangkan

- **Cabaran Makroekonomi dan Maklumbalas Dasar**
  Memandangkan persekitaran ekonomi global yang kurang memberangsangkan, APEC telah memberi penekanan akan kepentingan masyarakat antarabangsa untuk mengambil tindakan dasar yang sesuai bagi membantu pemulihan awal aktiviti ekonomi global. APEC turut menekan komitmen bagi meningkatkan dialog dan kerjasama berhubung dasar makroekonomi untuk mengurus masalah-masalah ekonomi yang dihadapi oleh ahli-ahlinya dan membina asas yang kukuh untuk mengekalkan pertumbuhan yang menyeluruh di rantau ini. Sebagai tambahan, APEC memberikan penekanan bahawa perlunya reformasi struktur dalaman yang berterusan untuk meningkatkan keupayaan untuk bertindakbalas kepada kejutan kewangan dan ekonomi.

  Mengenai arus globalisasi, APEC menekankan perlunya pelaksanaan dasar dan rangka kerja yang sesuai untuk membolehkan semua ahli memperolehi manfaat daripada peningkatan dalam proses integrasi kewangan dan ekonomi.

- **Mengukuhkan Sistem Kewangan Antarabangsa**
  APEC mengalu-galukan tindakan semasa yang diambil untuk menyusun semula struktur kewangan antarabangsa dan menggalakkan pelaksanaan reformasi tersebut secara berterusan. Walaupun APEC mengesahkan pelaksanaan kod dan piawaian antarabangsa, ia telah menekankan bahawa pelaksanaan dan penilaian keterpakaian kod dan piawaian tersebut perlu mengambil kira keadaan tersendiri setiap negara dan keupayaan institusinya.

dialog mengenai dasar; dan program latihan. Dalam hal ini, BNM telah mengambil bahagian dalam siri dialog dasar mengenai penyeliaan perbankan; dan pengurusan kegagalan bank; serta dalam program latihan yang dianjurkan di bawah Inisiatif Latihan Penguatkuasa Kewangan. BNM turut terlibat di dalam Kumpulan Kerja APEC mengenai Sistem Transaksi Kewangan Elektronik dan Kumpulan Kerja bagi Menentang Jenayah Kewangan.

Kumpulan G-15

Sidang Kemuncak ke-11 Ketua-Ketua Negara dan Kerajaan Kumpulan 15 (G-15) telah diadakan di Jakarta, Indonesia pada 30-31 Mei 2001. Di Sidang Kemuncak tersebut, ahli-ahli G-15 telah menyuarakan kebimbangan mereka mengenai kurangnya kemajuan terhadap penyusunan semula struktur kewangan antarabangsa. Ia adalah penting untuk menangani risiko-risiko dan cabaran-cabaran globalisasi secara efektif. Untuk mengekal dan mempercepatkan usaha-usaha reformasi, ahli-ahli G-15 telah bersetuju dengan cadangan Malaysia untuk menubuhkan Kumpulan Pakar mengenai Penyusunan Semula Struktur Kewangan Antarabangsa. Kumpulan Pakar ini telah dipertanggungjawabkan untuk menilai kemajuan kerja-kerja mengenai penyusunan semula struktur kewangan antarabangsa dan mengemukakan cadangan-cadangan untuk menangani kebimbangan dan menjaga kepentingan negara-negara membangun, terutamanya G-15. Fungsi penubuhan Kumpulan Pakar berkenaan adalah untuk mengemukakan pendapat ahli-ahli G-15 di pelbagai forum antarabangsa. Mesyuarat Kumpulan Pakar telah diadakan di Kuala Lumpur pada 26 Februari 2002.

Mesyuarat Asia-Eropah

Selepas Mesyuarat Ke-3 Menteri-Menteri Kewangan Asia-Eropah (ASEM) yang diadakan di Jepun dalam bulan Januari 2001, Mesyuarat Kumpulan Teras ASEM telah diadakan di Washington, D.C., Amerika Syarikat pada 13-14 April 2001. Semasa mesyuarat tersebut, ahli-ahli ASEM telah menilai semula kemajuan aktiviti-aktiviti ASEM yang sedang dijalankan seperti Projek Penyelidikan Kobe, Tabung Amanah ASEM II dan Inisiatif Pencegahan Pengubahan Wang Haram ASEM. Ahli-ahli ASEM juga turut diberi laporan terkini mengenai inisiatif-inisiatif dalam kerjasama serantau di Asia dan Eropah. Berhubung dengan kemajuan kerjasama serantau di Asia, Malaysia telah memaklumkan ahli-ahli ASEM mengenai status terkini CMI, yang merangkumi Peraturan Swap ASEAN yang diperbesarkan dan Peraturan Swap Dua Hala dan Perjanjian Beli-Balik Dua Hala. Malaysia telah juga memaklumkan Mesyuarat tentang status pembangunan proses pemantauan ASEAN. Mesyuarat Menteri-Menteri Kewangan ASEM yang seterusnya dijadual akan diadakan di Copenhagen, Denmark pada 5-6 Julai 2002. Sidang Kemuncak Pemimpin-Pemimpin ASEM, yang diadakan dua tahun sekali, akan juga diadakan di Copenhagen, Denmark pada 22-24 September 2002.

Kumpulan Asia/Pasifik bagi Pengubahan Wang Haram

Inisiatif antarabangsa memerangi pengubahan wang haram, yang dimulakan sejak sedekad yang lalu oleh badan antarabangsa dan pasukan petugas khas, semakin dipertingkatkan sejak kebelakangan ini. Pada tahun 2001, usaha-usaha menyekat pengubahan wang haram semakin dipertingkatkan selepas peristiwa 11 September 2001. Malaysia telah menyokong secara aktif kerjasama serantau dan antarabangsa dalam usaha memerangi pengubahan wang haram. Malaysia telah menggubal Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 (Akta) yang telah dikuatkuasakan pada 15 Januari 2002. Inisiatif merangka Akta ini telah bermula dengan perumusan kertas konsep pada bulan Oktober 2000 dan seterusnya Akta ini telah diwartakan pada 5 Julai 2001. Akta ini menjadikan pengubahan wang haram sebagai satu jenayah dan memperuntukkan kuasa penguatkuasaan kepada agensi-agensi berkaitan; mewajibkan pengenalpastian pelanggan, penyimpanan rekod dan tanggungjawab sebagai pelapor; serta memberi mandat kepada pihak berkuasa berwibawa untuk menerima, menganalisa dan berkongsi maklumat berkenaan aktiviti pengubahan wang haram. Bagi melaksanakan fungsi di bawah Akta ini, BNM telah menubuhkan sebuah jabatan baru, iaitu Unit Perisikan Kewangan, bagi melaksanakan langkah-langkah pencegahan dan pengenalpastian pengubahan wang haram.

Malaysia menjadi ahli Kumpulan Asia/Pasifik bagi Pengubahan Wang Haram (APG) pada 31 Mei 2000. APG telah ditubuhkan dengan rasminya pada Februari 1997 semasa Simposium Pengubahan Wang Haram yang ke-4 di Bangkok. Pejabat urusetia APG ditempatkan di Sydney. Misinya adalah untuk "menyediakan kerjasama serantau di dalam menyelesaikan isu pengubahan wang haram sejagat". Strategi utama APG ialah untuk mengawasi penggunaan, pelaksanaan dan penguatkuasaan sebarang piawaian antarabangsa berhubung dengan pencegahan pengubahan wang haram di dalam bidang perundangan, kewangan dan penguatkuasaan undang-undang serta menggunakan kaedah penilaian bersama bagi menggalakkan pematuhan ahli terhadap piawaian antarabangsa tersebut.

Malaysia dan Australia adalah pengerusi bersama APG pada ketika ini. Tempoh pengerusi bersama ini adalah selama dua tahun yang akan berakhir pada pertengahan tahun 2002. BNM mengetuai delegasi Malaysia ke APG, dan selaku pengerusi bersama, bertanggungjawab membantu Sekretariat APG dalam persediaan mesyuarat. Pada tahun 2001, BNM telah menganjurkan Mesyuarat Agung Tahunan APG ke-4 di Kuala Lumpur (22-24 Mei 2001). Mesyuarat ini merupakan mesyuarat terbesar pernah dianjurkan oleh APG hingga ke hari ini. Ia berjaya menarik lebih dari 200 peserta, mewakili 38 bidang kuasa, dan 13 badan serantau dan antarabangsa. Tiga bidang kuasa iaitu Kepulauan Cook, Macau dan Niue, telah diterima sebagai ahli baru APG di mesyuarat ini, menjadikan jumlah keahlian kepada 22. APG juga disertai oleh lapan lagi bidang kuasa dengan status pemerhati. Mesyuarat APG ke-4 antara lain membincangkan:

- Empat laporan penilaian bersama ke atas ahli bidang kuasa;
- Bengkel tipologi semasa dan masa depan bagi cara-cara pengubahan wang haram dan langkah-langkah untuk menanganinya;
- Kerjasama serantau dan antarabangsa; dan
- Inisiatif pencegahan pengubahan wang haram sejagat.

Selaras dengan keahlian APG, kesemua ahli ditetapkan untuk turut serta di dalam penilaian bersama di kalangan ahli-ahli APG. Proses penilaian bersama memberikan pengiktirafan apabila syarat piawaian antarabangsa dipenuhi dan membantu mengenalpasti kelemahan yang perlu diperbaiki. Pada tahun 2001, Malaysia juga telah dinilai oleh APG. Pusat Kewangan Antarabangsa Pesisir Luar Labuan (Labuan IOFC) telah dinilai oleh APG bersama dengan Kumpulan Penyeliaan Perbankan bagi Pesisir Luar (2-6 April 2001). Program pencegahan pengubahan wang haram Malaysia juga telah dinilai oleh APG pada 9-12 Julai 2001. Di sepanjang misi penilaian tersebut, penilai-penilai telah bertemu dengan pelbagai agensi kerajaan dan institusi kewangan di Malaysia. Penilaian bersama ke atas Malaysia ini akan dibentang untuk perbincangan dan penerimaan di Mesyuarat Agung Tahunan APG ke-5 pada bulan Jun 2002.

Di sepanjang tahun ini, Malaysia turut menyertai Bengkel Latihan Penilaian Bersama APG di Bangkok dan Bengkel Tipologi Cara-cara Pengubahan Wang Haram di Singapura. Malaysia juga menjadi ahli Kumpulan Kerja APG bagi Perkongsian Maklumat. Objektif utama Kumpulan Kerja ini adalah untuk membuat cadangan bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perkongsian maklumat di antara bidang kuasa, terutamanya berhubung dengan ketepatan maklumat serta pemberian maklumat pada masa yang tepat dan secara timbal-balik.

KERJASAMA DUA HALA

Peraturan Pembayaran Dua Hala

Di sepanjang tahun, BNM terus mempromosikan Peraturan Pembayaran Dua Hala (BPA) sebagai sebahagian daripada usaha Malaysia untuk mempelbagaikan pasaran eksportnya dan mempertingkatkan dagangan dua hala dengan negara-negara membangun yang lain.

BNM juga mengambil bahagian dalam kajian semula skim Peraturan Pembayaran dan Kredit Minyak Sawit (POCPA) yang di bawah bidang kuasa Kementerian Perusahaan Utama. Kajian semula ini dilaksanakan berikutan masalah lebihan pengeluaran dalam industri minyak sawit yang mengakibatkan kejatuhan harga minyak sawit ke paras terendah dalam sejarah. Dalam mempromosikan skim POCPA, kaedah dagangan timbal balas diperkenalkan sebagai alternatif kepada penjelasan secara tunai. Sebagai tambahan, skim POCPA yang baru akan ditawarkan berasaskan kredit pusingan selama tiga tahun, di mana negara penerima kredit dapat mengguna balik kredit tersebut apabila membuat bayaran balik dalam masa yang ditetapkan.

Bantuan Teknikal dan Pertukaran Maklumat BNM

Pada tahun 2001, BNM terus giat menggalakkan kerjasama erat dengan bank pusat dan pihak berkuasa kewangan lain, dan juga dengan institusi sektor awam dan swasta asing selaras dengan polisi Bank untuk berkongsi pengalaman dan berinteraksi dengan pihak yang berminat.

Di sepanjang tahun, BNM menerima 58 delegasi asing bagi mengadakan **perbincangan, lawatan sambil belajar dan program ikatan.** Delegasi-delegasi tersebut adalah dari bank pusat, agensi kerajaan dan organisasi sektor awam dan swasta yang lain dari Afrika, Asia, Eropah, Amerika Utara dan Oseania. Tumpuan adalah diberikan dalam pelbagai aspek perbankan pusat, termasuklah operasi perbendaharaan dan pelaburan, sistem pembayaran, dasar monetari dan kewangan, pengawalan bank,penyeliaan bank,teknologi maklumat,kawalan pertukaran,pengurusan dan operasi mata wang, pengurusan dan latihan sumber manusia, dan perbankan Islam.

Pada bulan Mei 2001, BNM melancarkan Program Latihan dan Teknikal selama dua tahun atas permintaan State Bank of Pakistan. Pembiayaan program tersebut disediakan oleh Bank Pembangunan Asia. Program ini turut melibatkan program ikatan di Kuala Lumpur bagi pegawai State Bank of Pakistan.

Enam belas peserta dari bank pusat benua Afrika, Asia, Eropah dan Amerika Utara turut bersama dengan para pegawai peringkat pertengahan BNM dalam **Kursus Perbankan Pusat yang ke-20** yang dikendalikan oleh BNM di Kuala Lumpur pada 10-29 September 2001. Pembiayaan para peserta berkenaan disediakan di bawah Program Kerjasama Teknikal Malaysia. Sehingga kini, seramai 166 peserta dari 64 buah bank pusat asing telah menghadiri program ini. Kursus ini, yang merangkumi pelbagai subjek seperti penggubalan dasar monetari dan kewangan serta peranan bank pusat dalam mengawal sistem kewangan, dirangka untuk membentuk para pegawai dalam kerjaya mereka sebagai pegawai bank pusat. Di akhir program ini, para peserta dijangka mempunyai perspektif yang lebih meluas, melebihi bidang tugasan mereka.

Pada tahun 2001, BNM telah menjadi tuan rumah kepada tiga **mesyuarat tahunan dua hala** di Kuala Lumpur, iaitu dengan Bank of Thailand, Hong Kong Monetary Authority dan Monetary Authority of Singapore. Mesyuarat dua hala ini dianggap penting kerana ianya memberi peluang untuk pertukaran pendapat dan berkongsi pengalaman dalam suasana yang lebih erat. Mesyuarat tersebut telah mengukuhkan pertalian dan kerjasama antara BNM dan bank pusat yang lain. Antara isu-isu yang dibincangkan pada mesyuarat tersebut ialah kesan daripada perkembangan semasa ekonomi global; dasar strategi dan risiko bersama dalam pengurusan makroekonomi; perkembangan kadar pertukaran; prestasi sistem perbankan; dan pengurusan risiko.